# Hospital Segamat perlu banyak bekalan darah




DR. Faidzal Adlee Abd. Ghafar (dua dari kanan) dan Mohd. Kamil Sukarmi (kanan) melihat anggota Perkep menderma darah di IPD Segamat, kelmarin.

SEGAMAT 18 April - Orang ramai diminta menderma darah untuk Hospital Segamat (HS) yang memerlukan lebih 6,000 beg darah setahun apabila dinaik taraf menjadi hospital pakar tidak lama lagi.

Ketua Unit Transfusi Darah HS, Dr. Faidzal Adlee Abd. Ghafar berkata, setiap bulan kira-kira 300 hingga 400 beg darah digunakan dan tahun lalu kira-kira 5,000 beg diperlukan untuk merawat pesakit.

'Peruntukan sebanyak 300 beg darah setiap bulan dikhuatiri tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yang memerlukan perkhidmatan tersebut pada masa akan datang dan usaha menambah bekalan memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

'Dalam tiga bulan pertama tahun ini, kami menggunakan 1,500 beg darah untuk pesakit. Tambahan pula, kami membantu tabung darah Hospital Tangkak (HT) sekiranya hospital tersebut kekurangan bekalan darah,' katanya semasa ditemui dalam Kempen Derma Darah Sempena Peringatan Hari Polis Ke-207 anjuran bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat dan HS di Kuarters Perumahan IPD Segamat di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Polis Daerah Segamat, Supritendan Mohd. Kamil Sukarmi; Ketua Siasatan Jenayah Narkotik IPD Segamat, Asisten Supritendan Chew Chee Lee dan Pengerusi Perkep IPD Segamat, Rohayah Abu Bakar.

Sementara itu, Mohd. Kamil berkata, program tersebut merupakan acara tahunan yang dianjurkan IPD Segamat sempena memperingati Hari Polis.

'Saya menyeru semua kakitangan IPD Segamat serta individu dan masyarakat setempat agar mengambil kesempatan ini mendermakan darah sebagai salah satu khidmat dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang memerlukan,' katanya

*Artikel Penuh:*
http://www.utusan.com.my/utusan/Johor/20140419/wj_02/Hospital-Segamat-perlu-banyak-bekalan-darah#ixzz35WGiXt4Z
© Utusan Melayu (M) Bhd